

GoJek tidak sesuai dipraktikkan di Malaysia

Pihak bertanggungjawab perlu tapis, pilih dan latih individu yang betul untuk menjadi pemandu teksi motor GoJek bagi memastikan mereka tidak menambah lebih banyak masalah kepada negara kelak.

GOJEK yang merupakan perkhidmatan teksi motosikal yang sangat popular di negara jiran seperti Indonesia, Vietnam dan Thailand bakal dilaksanakan di negara ini selepas ia mendapat kelulusan daripada kabinet.

Difahamkan, motif utama kewujudan perkhidmatan tersebut bagi memberi peluang pekerjaan baharu dan membantu golongan anak muda yang mempunyai motosikal untuk menjana pendapatan.

Bagaimanapun, inisiatif itu tidak mendapat persetujuan majoriti masyarakat di negara ini apabila ramai yang beraggarpan kewujudan teksi motosikal berbahaya dan akan membuatkan keadaan trafik bertambah sesak.

Bagi mengulas lebih lanjut mengenai isu tersebut, wartawan *Kosmo! Ahad*,

KHAIRIYAH HANAFI menemu buah Pakar Keselamatan Jalan Raya yang juga merupakan Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Law Teik Hua di pejabatnya di Serdang, Selangor baru-baru ini.

KOSMO! AHAD: Baru-baru ini kerajaan telah meluluskan perlaksanaan perkhidmatan teksi motosikal GoJek di negara ini. Boleh Dr. ulas sedikit mengenai isu tersebut?

LAW TIEK HUA: Kaji selidik yang dilakukan oleh saya mendapati, ada yang bersetuju dengan pelaksanaan teksi motosikal dan ada yang tidak. Kebanyakan orang muda nampak perkhidmatan

ini sebagai satu sumber pendapatan, tetapi dalam kalangan orang tua pula melihat ia sebagai satu masalah besar. Saya rasa, ia memang tidak sesuai dipraktikkan di Malaysia atas pelbagai faktor.

Bagaimanapun dua sebab utama adalah menentang polisi negara iaitu polisi keselamatan jalan raya dan polisi pengangkutan awam.

Saya lihat motosikal mendatangkan banyak keburukan. Bagaimanapun tidak dinafikan atas beberapa sebab kita masih bergantung kepada motosikal seperti faktor kemiskinan dan bandar-bandar besar yang berhadapan dengan kesesakan lalu lintas.

Bagaimanapun kalau kita membenarkan penggunaan teksi motosikal di jalan raya, kita akan lihat jalan raya kita dipenuhi dengan motosikal.

EKSTRA

Prof. Madya Dr. Law Teik Hua

- Merupakan seorang Pakar Keselamatan Jalan Raya
- Merupakan Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Berasal dari Taiping, Perak
- Berumur 48 tahun
- Lahir pada 21 September 1971
- Mempunyai Ijazah Falsafah Kedoktoran dalam jurusan Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya di Imperial College London, United Kingdom.
- Berkhidmat di UPM sebagai seorang pensyarah sejak tahun 2000



TEIK HUA berharap agar pihak berkuasa mengambil kira pelbagai faktor sebelum melaksanakan teksi motosikal.

dijadikan sebagai pelengkap atau alternatif pengangkutan bagi orang ramai di sesetengah kawasan. Tetapi fikir semula adakah kita benar-benar perlukan ini? Susah nak puaskan hati rakyat Malaysia.

Apa pun, kita perlu sedar dan pihak berkuasa perlu mengkaji dengan lebih mendalam kesan perlaksanaan teksi motosikal sebelum ia diluluskan.

Masyarakat di negara ini kebanyakannya tidak boleh menerima pelaksanaan GoJek, tetapi mengapakah perkhidmatan teksi motosikal di digunakan begitu meluas dan popular dalam kalangan masyarakat di negara-negara jiran terutamanya Indonesia dan Thailand?

Kita tidak boleh menyamakan negara kita dengan Thailand atau Indonesia. Mereka telah lama menggunakan perkhidmatan tersebut. Tambahan pula mereka merupakan antara negara yang berpendapatan rendah dan tidak semua orang berpeluang membeli kenderaan sendiri.

Mereka masih lagi perlu bergerak tetapi tidak mempunyai kenderaan mahu pun akses pengangkutan awam yang baik. Malah kesesakan lalu lintas dan struktur jalan yang teruk menyebabkan perkhidmatan teksi motosikal diperkenalkan dan seterusnya menjadi pengangkutan popular dalam kalangan masyarakat.

Situasi tersebut ternyata berbeza dengan di negara ini kerana kita mempunyai struktur jalan dan pengangkutan awam yang baik.

Adakah kewujudan perkhidmatan ini mampu memberi ruang pekerjaan baharu kepada generasi muda?

Ya, terutamanya bagi golongan muda. Mereka lihat kewujudan teksi motosikal sebagai satu peluang pekerjaan baharu. Biarpun

ENAM puluh peratus daripada 6,000 kematian di jalan raya berpunca daripada motosikal.



jalan raya. Tambahan pula struktur jalan di negara ini yang bukan sahaja sesak, tetapi juga dipenuhi dengan kenderaan-kenderaan besar.

Memang individu mempunyai hak untuk memilih tetapi ia akan menyentuh pelbagai sensitiviti masyarakat. Misalnya, perbezaan jantina. Penunggang dan penumpang tidak sama jantinanya menaiki sebuah motosikal.

Bagaimanapun jika aplikasi tersebut memberi ruang kepada individu untuk memilih pemandu sama ada lelaki atau perempuan, ia mungkin tidak akan menjadi satu masalah.

Selain faktor-faktor di atas, orang ramai juga bimbang mengenai isu kebersihan apabila mereka terpaksa menggunakan topi keledar yang disediakan tekki motor tersebut. Memang mereka sediakan kain untuk melapik permukaan dalam motosikal tersebut, tetapi ia masih belum dapat menjamin kebersihan.

Mustahil pula untuk penumpang membawa topi keledar mereka sendiri. Keadaan tersebut tentunya sedikit menyusahkan individu.

Jika perlaksanaan GoJek ini berjaya, adakah ia memberi ancaman terhadap pengangkutan awam yang lain?

Sudah tentu pengangkutan awam yang lain akan terjejas. Bagaimanapun, itu semua bergantung kepada kehangatan sambutan masyarakat terhadap tekki motor nanti.

Akhir kata, boleh Dr. kongsikan harapan dan saranan dalam memastikan perkhidmatan tersebut tidak mendatangkan kemudarat terhadap orang ramai?

Kita perlu pastikan mereka mempunyai sistem pemantauan yang rapi seperti mengesan jejak pemandu mereka dan peka pada sebarang perubahan jalan yang dilakukan bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Pihak bertanggungjawab perlu tapis dan memilih individu yang betul untuk menjadi pemandu teknik motosikal. Pemandu juga perlu dilatih dengan begitu cekap.

Pihak berkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan pula mungkin boleh membuat ujian yang lebih ketat lagi kepada bakal pemandu GoJek supaya mereka mahir dalam mengendalikan pengangkutan yang dibawa.

Kesemua ini perlu dilakukan bagi memastikan mereka tidak menambah lebih banyak masalah kepada negara kelak.



PERKHIDMATAN teksi motosikal dikehutiari menyebabkan individu berisiko terdedah dengan kemalangan. — Gambar hiasan